

21 SEP 2002

PERUNTUKAN LEBIH BESAR RANCAKKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, KATA TAIB

KOTA SAMARAHAN, 21 Sept (Bernama) -- Peruntukan yang lebih besar bagi kawasan luar bandar menerusi Bajet 2003 akan merancakkan lagi pembangunannya, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini.

"Biarapun ia memakan masa yang panjang, rakyat akan menikmati faedahnya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Pesta Kota Samarahan 2002 di Dewan Suarah di sini.

Beliau berkata peruntukan yang lebih besar itu sudah tentu memberi khabar gembira kepada penduduk pendalaman, termasuk di Sarawak menerusi faedah pembangunan yang lebih banyak berbanding sebelumnya.

Katanya, kerajaan negeri menyambut baik bajet berkenaan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan di Parlimen semalam.

Semasa berucap, Abdul Taib berkata rakyat perlu membuka minda selain mengubah sikap bagi meningkatkan lagi taraf hidup sejajar kemajuan yang dicapai sekarang.

Beliau memberikan peringatan bahawa rakyat terutamanya di kawasan pendalaman akan terus ketinggalan jika tidak bersedia mengikut peredaran zaman dan perubahan pembangunan.

Pada majlis yang sama, beliau menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (Mou) antara Pawada Food Industries Sdn Bhd dengan agensi Kementerian Pertanian serta wakil petani Kota Samarahan untuk projek pemerosesan nenas dan pemasaran produk berasaskan buah itu.

-- BERNAMA  
FLL MT ROS